

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 JANUARI 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Digari sebagai penjenayah	Berita Harian
2.	Muhyiddin Ketuai 114 Penerima Darjah Kebesaran Kedah	Bernamea.com
3.	Govt to boost anti-flood measures	New Straits Times
4.	Teknologi terkini tangani bencana	Berita Harian
5.	Kabinet terima cadangan penambahbaikan SOP banjir	Mingguan Malaysia
6.	Tingkat amaran awal banjir	Metro Ahad
7.	Manik tanah liat mampu beri pulangan lumayan	Bernamea.com
8.	Misteri UFO Banting belum terungkai	Berita Harian



Eksklusif

» *Rahsia 'No-Fly List AS' terlerai selepas 9 tahun*

Oleh **Mona Ahmad dan Rohaniza Idris**
bminggu@bh.com.my

"Saya terus digari di kaunter daftar masuk lapangan terbang tanpa diberi penjelasan oleh polis dan dilayan seperti penjenayah berat.

"Bayangkan kesakitan saya, baru beberapa minggu menjalani pembedahan histerektomi (pengangkatan kandungan rahim) dan masih menggunakan kerusi roda," kata Prof Dr Rahinah Ibrahim, 48, mengimbau kejadian di Lapangan Terbang Antarabangsa San Francisco pada 2005 yang menyebabkan beliau terus dilarang memasuki Amerika Syarikat (AS) sejak itu.

Hanya pada 14 Januari lalu ketika umat Islam menyambut perayaan Maulidur Rasul, tiba-tiba nama beliau mendapat perhatian di seluruh negara apabila berjaya mengetepikan larangan memasuki Amerika Syarikat yang dikenakan ke atasnya sejak 2005.

Rahsia yang disimpannya selama sembilan tahun kerana

menduduki senarai tidak dibenarkan terbang (No-Fly List) kerajaan AS akhirnya terbongkar ekoran kejayaan beliau menyekat kerajaan AS daripada menggugurkan kes samannya terhadap negara itu, disiarkan Disember lalu.

Umpama adegan jenayah

Sambil menyifatkan kejadian di alamnya umpama dalam adegan drama jenayah Hollywood, Prof Rahinah ketika itu berada di kaunter masuk bagasi Lapangan Terbang Antarabangsa San Francisco pada 2005 untuk menghadiri satu persidangan berprestij di Hawaii di atas tajaan Universiti Stanford.

Anak perempuan keduanya yang berusia 14 tahun, ada ketika kejadian dan mereka merancang untuk pulang ke tanah air selepas persidangan kerana sudah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Stanford.

"Bahagian belakang saya seolah-olah terkena renjatan elektrik setiap kali jantung berdegup dan tidak putus-putus memohon diberikan ubat penahan sakit

dan hampir rebah, namun tidak dilayan. Hanya selepas pasukan paramedik tiba, baru permintaan saya dilayan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Beliau akhirnya dibenarkan menaiki pesawat keesokan harinya untuk ke Hawaii dan seterusnya pulang ke tanah air.

Sangkaan beliau bahawa nama sudah dibersihkan daripada senarai larangan memasuki Amerika Syarikat sebaik dibebaskan dan kembali ke Malaysia ternyata meleset.

Prof Rahinah terkejut apabila tidak dibenarkan berlepas ke AS sebaik mendaftar masuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Mac 2005 untuk kembali ke Universiti Stanford bagi proses penyerahan tesis akhir.

"Saya dimaklumkan visa pela-

jar saya ditamatkan dan nama saya masih berada dalam senarai tidak boleh memasuki AS kerana tuduhan ada kaitan dengan penganas. Ini titik tolak perjuangan saya untuk membersihkan nama daripada tuduhan itu," katanya

sambil mengakui pengajian PhD beliau terpaksa ditamatkan secara jarak jauh.

Siapa PhD 4 tahun

"Saya terpaksa menamatkan PhD dalam tempoh empat tahun berbanding kelaziman di Universiti Stanford yang mengambil masa enam hingga tujuh tahun kerana biasiswa di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hanya menetapkan empat tahun," katanya.

Beliau yang berasal dari Bentong, Pahang, berkata kumpulan Spiritual Care Services (SCS) yang disertainya ketika di Universiti Stanford turut membantunya dengan memberi sokongan moral

dan mencari jalan mendapatkan keadilan melalui perundangan.

"Saya berterima kasih kepada Reverend John Hester, Reverend George Fitzgerald dan semua sukarelawan SCS yang memainkan peranan besar dalam membantu saya mencari jalan untuk mendapatkan keadilan.

"Begitu juga, pasukan perundangan dari McManis Faulkner yang dianggotai Elizabeth Pipkin, Christine Peek, dan Marwa Elzankaly. Saya berterima kasih kepada James McManis, rakan kongsi syarikat guaman itu yang juga alumni Stanford atas bantuan guaman percuma tanpa mengira bangsa, agama dan kewarganegaraan," katanya.

Tanpa rasa dendam, ibu kepada empat cahaya mata yang berusia 17 tahun hingga 27 tahun itu mahu meneruskan aktiviti akademiknya dengan rakan sejawatan di Amerika, termasuk menjalin lebih banyak kerjasama dalam penyelidikan.

"Saya berharap tiada lagi orang teraniaya dan namanya dimasukkan ke dalam senarai No-Fly List dan terpaksa menempuh apa yang saya alami," katanya.



Muhyiddin Ketuai 114 Penerima Darjah Kebesaran Kedah

ALOR SETAR, 19 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin mengetuai senarai 114 orang penerima darjah dan bintang kebesaran Kedah sempena keputeraan ke-86 Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Ahad.

Muhyiddin merupakan penerima tunggal anugerah Darjah Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Yang Amat Dihormati (SHMS) yang membawa gelaran Datuk Seri Diraja.

Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir pula dianugerahkan Darjah Seri Paduka Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati (SPMK) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah menjadi penerima tunggal Darjah Seri Setia Diraja Kedah Yang Amat Dihormati (SSDK) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Tiga dianugerah Darjah Paduka Seri Setia Sultan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (DHMS) membawa gelaran Datuk Paduka iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Datuk Mohd Puad Mohd Ali, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Bukit Aman, Datuk Seri Syed Ismail Datuk Syed Azizan dan Pengerusi Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng, yang juga ahli perniagaan, Tan Sri Dr Fng Ah Seng.

Sepuluh orang dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah (DGMK) yang membawa gelaran Datuk Wira termasuk Pegawai Kewangan Negeri Kedah Datuk Khazali Din, Pengarah Tanah dan Galian Kedah Datuk Muhammad Nor Rofie, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Turut menerima DGMK ialah Pengelola Istana Negara, Datuk Awang Kechik Abdul Rahman; Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Mej Jen Datuk Mohd Noor Daud; Mej Jen Datuk Md Tajri Alwi (Istana Negara); Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi; Pengerusi Eksekutif High Point World Wide Sdn Bhd, Datuk Abu Zaki Zakaria; Pengarah Urusan Setia Teknologi Sdn Bhd, Datuk Majid Wan Chik dan Pengarah Urusan/CEO syarikat Kumpulan Widad, Datuk Mohamad Ikmal Opat Abdullah.

Dua penerima anugerah Darjah Kebesaran Mahkota Kedah (DPMK) yang membawa gelaran Datuk iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ab Ghani Ariffin dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Tan Sri Khalid Ramli.

Seramai 67 orang dianugerahkan Darjah Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk manakala Ketua Bahagian Asia Tenggara The British Library, London, United Kingdom Dr Annabel Teh Gallop menjadi penerima tunggal DSDK Kehormat, juga membawa gelaran Datuk.

Penerima DSDK ialah Tunku Johanez Tan Sri Tunku Annuar, Tengku Shazuddin Tan Sri Tunku Sallehuddin; dua Exco Kedah Datuk Suraya Yaacob dan Mohd Rawi Abdul Hamid, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Datuk Azmi Che Husain, Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Gurun, Dr Leong Yong Kon, anggota Parlimen Kulim/Bandar Baharu, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, Pegawai Daerah Kuala Muda, Ahmad Fisol Md Noor, Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertuan Agong, Datuk Elmi Yusof; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah, Datuk Azmi Lateh.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Saripudin Kasim, Ketua Pengarah (KP) Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Mohd Akhir Md Jiwa; KP Jabatan Pembangunan Wanita, Datin Munirah Abdullah Bajaruddin; **KP Jabatan Meteorologi, Che Gayah Ismail**; Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah, Dr Ismail Abu Talaat; Pengarah Jabatan Pelajaran Kedah, Mansor Lat; Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad UUM, Prof Dr Abdul Rahman Abdul Aziz, Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara Putrajaya Abdul Wahab Mohamed, juruiring kepada Yang di-Pertuan Agong, Brig Jen Datuk Mohd Nizam Jaafar; Laksamana Pertama Datuk Mohd Reza Mohd Sany (Juruiring Laut).

Brig Jen Datuk Zaharin Ahmad (Juruiring Udara), SAC Datuk Mastor Mohd Ariff (juruiring), Ketua Pengarah Pembangunan Markas Tentera Darat Brig Jen Yahya Ibrahim; Timbalan Presiden Ahli Jawatankuasa Persatuan Veteran Kor Perkhidmatan Diraja Malaysia Brig Jen (B) Abdul Majid Daudsha; Panglima Markas 3 Briged Kem Penrissen Kuching, Brig Jen Mohd Nazir Mami; Pengarah Keselamatan dan Risik Balas, Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, Direktorat Keselamatan dan Risik Balas, Kementerian Pertahanan, Brig Jen Ismail Abetah; Ketua Staf Markas Kejuruteraan Pangkalan TLDM Lumut, Laksamana Pertama Muhd Sakaff A. Manaf, Komander Pengkalan (BC) Pertahanan Udara, Gong Kedak, Terengganu, Brig Jen Datuk Mohd Fauzi Ahmad; Ketua Pengarah Bantuan dan Kesiagaan Markas Operasi Udara, Kementah, Brig Jen Datuk Azizon Ariffin; Komander Rejimen 502 Askar Wataniah, Kem Sungai Buluh, Brig Jen Prof Madya Thantawi Jauhari Ahmad.

Ketua Staf Pasukan Gerakan Khas ESSCOM, Lahad Datu, SAC Mohammad Nasir Ramli, Ketua Jabatan Pengurusan Sabah SAC Noor Azam Jamaludin; Timbalan Ketua Pengarah Penjara (Pengurusan) Datuk Wan Abdul Rahman Abdullah; Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mazlin Mokhtar; Pakar Perunding Kanan ORL, Hospital UKM, Kuala Lumpur, Prof Dr Abdullah Sani Mohamed, Pengerusi parti Gerakan Kedah, Dr Cheah Soon Hai; Ketua Jabatan dan Pakar Perunding O&G Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar, Dr Mohd Rushdan Md Noor; Pakar Perunding Kanan Psikiatri HSB, Dr Ahmad Rasidi M. Saring; Yang Dipertua Persatuan Bekas Tentera Negeri Kedah, Kapt (B) Yusof Yaacob, Pengarah Urusan Gading Kencana Sdn Bhd, Ir Muhamad Guntor Mansor Tobeng.

Pengarah Syarikat Boon Aun Sdn Bhd, Ong Ah Seng @ Eng Chew, Pegawai Khas Kawasan kepada Menteri Besar Kedah, A. Aziz Mohamod; Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Uversiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Mokhtar Saidin, Presiden merangkap Pengarah Urusan Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia, Datuk Mohd Zafer Mohd Hashim; Naib Presiden Dewan Perniagaan Cina Kedah, Koh Kim Chiew; Pengarah Urusan Hock Thye Trading Sdn Bhd, Tan Lip Huat; Imam Besar Masjid Zahir, Alor Setar, Syeikh Roslan Abd Halim; CEO Ideal Healthcare, Sungai Petani, Dr Haminuddin Abd Hamid; Pengarah DXN Holding, Lim Boon Yee, Naib Presiden Kanan (Serantau Malaysia) Malaysia Airlines, Muzammil Mohamad.

Pengarah Urusan Perbadanan Nasional Berhad, Syed Kamaruzaman Datuk Syed Zainol Khodki Sahabudin, Pengarah Urusan Arkitek FAA Sdn Bhd, Ir Mohd Fazillah Mohd Ali; Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan, Ahmad Tajudin Jab; Khalid Ahmad; Kassim Ahmad; Komposer muzik, Adnan Abu Hassan, Pengarah Urusan Percetakan Nasional Berhad Izham Yusoff; Mong Khon a/l M.S Dong; Datuk Azizan Abdul Rahman; Sasterawan, Dr Zurinah Hassan.

Pengerusi Eksekutif Tone Excel Sdn Bhd, Syed Kamaruzaman Syed Abdullah, Pengarah Urusan Amalan Setar Sdn Bhd R.Rajendran, Presiden Gateway Saujana Management Sdn Bhd, Kapt (B) Zakaria Abdul Hamid; Pengerusi/Pengarah Urusan Chico Holding Sdn Bhd, Tan Hock Chai; Pengarah Horng Bang Construction Sdn Bhd, Tay Seang Wah; Pengerusi Eksekutif Further Top Sdn Bhd, Tan Teow Hong dan Pengarah Urusan Kumpulan M Summit Group Sdn Bhd, Moh See Eng.

Sementara itu, sebanyak 28 orang dianugerahkan Jaksa Pendamai.

Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah dijadual menyampaikan darjah dan bintang kebesaran tersebut di Balai Penghadapan Istana Anak Bukit, dekat sini.

-- BERNAMA

Govt to boost anti-flood measures

PEKAN: Climate change and unpredictable weather patterns have prompted the government to further improve the country's flood warning system and mitigation plans to help reduce the impact of natural disasters in future.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said the cabinet had accepted the recommendations made by the Natural Disaster Management Committee which, among others, proposed that the Meteorological Department and the Drainage and Irrigation Department use the latest technology for better weather forecasting and public announcements.

At the same time, he said the government would also consider the flood mitigation plans for areas af-

ected by floods, which would involve huge allocations.

"Flood mitigation projects are costly and we need to look at our financial ability before we can approve them," he said at a function to distribute aid to flood victims in Pekan yesterday. He also presented certificates to volunteers.

Najib said the Terengganu state government had requested RM480 million for flood mitigation projects for the state, while Kuantan would require RM700 million to help resolve its flood problems.

He said the government would first procure more assets that could be used during natural disasters, including boats and larger trucks.

→ Turn to Page 4



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak presenting aid to flood victims in Pekan yesterday. Pic by Luqman Hakim Zubir

→ From Page 2

"We are also reviewing our standard operating procedures (SOP) to provide a more efficient machinery to assist victims when a natural disaster strikes."

Najib said climate change had also affected developed countries, including the United States, where the temperature in certain areas plummeted to negative 52 degrees Celsius recently due to an Arctic blast.

He said it was not right to blame anyone for the recent floods in the east coast and urged all parties to find ways to reduce the impact of the floods and to assist the victims.

Citing Pekan as an example, Najib, who is also its member of parliament, said the district was often flooded when high volume of water upstream of Sungai Pahang met the high tide.

"But now the floods are caused by heavy downpours, as seen on Dec 2,"

he said, adding the Kemaman district recorded an extraordinary amount of rainfall on the same day, which was higher than the whole month in previous years.

Najib said Barisan Nasional leaders would find ways to increase aid to flood victims, as the RM500 cash assistance for each family affected by floods was no longer sufficient.

"The BN government will always be with the people through thick and thin. I will ensure victims get

more this time around."

A total of 1,504 families received RM750 cash assistance each with RM500 contributed by the Federal Government and RM250 from the state.

Each family also received various items, including a mattress and two pillows from Kelab Putera Malaysia, an LED television set from the Malaysian Communications and Multimedia Commission, a refrigerator from the Pekan Umno division

and a rice cooker, which was Najib's personal contribution.

Recipient Fatimah Ismail, 46, said the assistance given by the government proved that its leaders understood the difficulties faced by the people.

"We should be grateful, as our government provides us various types of assistance."

"If we look at other countries, their people were left struggling to rebuild their lives after natural disasters."

Teknologi terkini tangani bencana

» Kabinet terima cadangan tambah baik persediaan hadapi banjir

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Penggunaan teknologi terkini dan menyediakan rancangan tebatan banjir boleh meningkatkan kecekapan sistem amaran awal bagi mengurangkan nilai kerugian harta benda akibat banjir.

Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan juga sedang memikirkan usaha terbaik untuk meminimumkan kesan banjir dengan menambah baik sistem tebatan banjir di kawasan yang

mudah dinaiki air setiap kali tiba musim tengkujuh.

Perdana Menteri berkata, Kabinet baru-baru ini menerima cadangan Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang dipengerusikan timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi menambah baik persediaan menghadapi banjir.

Sehubungan itu, katanya, Jabatan Meteorologi dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan menggunakan teknologi terkini bagi memastikan sistem pengurusan banjir lebih cekap dan berkesan, sekali gus mengurangkan kemusnahan dan kerugian.

Projek tebatan

"JPS juga diminta menyediakan rancangan tebatan banjir dan kosnya agak tinggi...saya kata kosnya tinggi kerana ketika melawat Terengganu, Menteri Besar, (Da-

tuk Seri Ahmad Said) beri surat permohonan peruntukan RM480 juta bagi melaksanakan projek itu, manakala di Sungai Isap pula kira-kira RM700 juta.

"Penambahan aset seperti bot dan trak berkeupayaan tinggi bagi memudahkan masuk ke kawasan banjir juga diteliti," katanya berucap pada majlis penyerahan bantuan kepada mangsa banjir kawasan Parlimen Pekan, di sini, semalam. Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, Datuk Ishak Mohammad dan Presiden Kelab Putera 1Malaysia (KP1Malaysia), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan menyampaikan bantuan dengan nilai keseluruhannya RM3,750 bagi setiap 1,540 keluarga mangsa banjir, termasuk RM500 daripada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri (RM250), tilam dan dua bantal sumbangan KP1Malaysia, televisyen (Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia), peti ais (UMNO Bahagian Pekan) dan sumbangan peribadinya iaitu periuk nasi elektrik.

Najib meminta orang ramai mengamalkan prinsip 'sediakan payung sebelum hujan' dan membuat persediaan awal me-

ngikut kemampuan masing-masing bagi mengelak keadaan lebih buruk ketika menghadapi bencana banjir.

Katanya, tiada pihak harus dipersalahkan apabila banjir berlaku kerana ia fenomena alam yang turut melanda negara maju seperti Amerika Syarikat.

"Macam di Jabor (Terengganu), perubahan iklim membawa hujan berlebihan, biasanya hujan tahun hujan (kuantiti) sebanyak 350 milimeter (mm) dalam sebulan tetapi pada 2 Disember lalu pula jumlahnya 777 mm sehari," katanya.

Sementara itu, mangsa banjir di Taman Pelangkah, Kampung Pulau Keladi, di sini, Fatimah Ismai, 46, bersyukur dengan keprihatinan kerajaan yang tidak lupa dengan nasib mangsa banjir.

"Jika ada pihak kata kerajaan tidak bantu...tidak benar kerana pelbagai bantuan kami peroleh berbanding apa kita lihat di luar negara yang terpaksa bersusah payah...tempoh hari ketika banjir kami masuk saja ke pusat pemindahan sementara, semua bantuan sudah ada," katanya.



Najib menyerahkan sumbangan pada Majlis Penyerahan Sumbangan Mangsa Banjir di dewan Institut Kemahiran Mara (IKM) Pekan.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]

Kabinet terima cadangan penambahbaikan SOP banjir

PEKAN 18 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Kabinet menerima cadangan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara dalam menambah baik prosedur operasi standard (SOP) bagi menghadapi banjir termasuk sistem amaran awal dan projek tebatan banjir.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan meminta Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) melakukan penambahbaikan model amaran dan sistem amaran awal banjir menggunakan teknologi canggih serta penyebaran secara umum dengan lebih berkesan.

Beliau menambah, kerajaan juga meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyediakan rancangan tebatan banjir bagi mengurangkan bencana itu pada masa hadapan.

"Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan membina tebatan banjir iaitu di Kemaman (Terengganu) melibatkan RM480 juta dan Sungai Isap (Kuantan) sebanyak RM700 juta.

"Selain itu, aset-aset tambahan seperti bot dan trak berkeupayaan tinggi untuk masuk ke kawasan banjir juga akan dipertimbangkan berikutan melibatkan kos yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Bantuan Mangsa Banjir dan Meraihan Sukarelawan Banjir peringkat Pekan di Institut Kemahiran Mara (IKM) Pekan di sini hari ini.

Yang turut hadir Speaker Dewan

Undangan Negeri (DUN), Datuk Is-hak Muhammad, Exco Kerajaan Negeri, Datuk Abu Bakar Harun dan Pengerusi Kelab Putera IMalaysia (KPIM), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Dalam majlis itu, seramai 1,504 penerima yang merupakan mangsa banjir daerah menerima sumbangan berupa wang tunai RM500, peti sejuk, televisyen, tilam dan bantal yang akan diagihkan secara berperingkat dalam tempoh sebulan.


Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan turut mengumumkan sumbangan tambahan berupa periuk nasi kepada mangsa banjir.

Beliau berkata, SOP yang telah dikemaskini diharap pengurusan banjir negara ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efisien.

Dalam pada itu Najib menegaskan, kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipimpin UMNO serta parti komponen lain perlu menunjukkan keprihatinan kepada rakyat walaupun di waktu susah dan senang.

"Kerajaan menyedari bantuan RM500 kepada setiap keluarga mangsa mungkin tidak berbaloi berbanding kesusahan dan kerugian dialami mereka akibat bencana itu.

"Kita mesti bersama-sama mereka di saat susah dan senang. Jika ada rezeki, kerajaan berikhtiar melalui peruntukan dan dana tambahan supaya bantuan kepada mangsa terlibat bencana itu boleh ditokok tambah," katanya.



NAJIB Tun Razak melihat peralatan elektrik yang akan diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir daerah Pekan semasa Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Banjir Parlimen Pekan di Dewan Institut Kemahiran Mara (IKM) Pekan, Pahang, semalam. Turut kelihatan Abdul Azeez Abdul Rahim (kiri).

Tingkat amaran awal banjir

■ Guna teknologi terkini pastikan pengurusan banjir negara lebih efisien

Oleh MOHD FAUZI ABDULLAH
fauzie@mediaprima.com.my
Pekan

Kerajaan akan melancarkan penambahbaikan, termasuk menggunakan teknologi canggih dan terkini dalam sistem amaran awal banjir, supaya penyebaran maklumat mengenai bencana itu dilakukan dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, ia penting bagi memastikan penduduk mendapat maklumat tepat mengenai ancaman banjir dengan lebih cepat dalam usaha mengurangkan kemusnahan akibat bencana itu.

* Sehubungan itu, katanya,

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta menggunakan teknologi terkini dalam sistem amaran awal bagi memastikan pengurusan banjir negara dilakukan dengan lebih efisien.

"Langkah ini kita ambil selepas Kabinet menerima cadangan penambahbaikan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara untuk menghadapi banjir, termasuk sistem amaran awal dan projek tebatan banjir serta lain-lain perkara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Bantuan Mangsa Banjir dan Meraikan Sukarelawan Peringkat Daerah Pekan, di sini, semalam.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang Datuk Ishak Mohammad dan Presiden Kelab Putera 1Malaysia Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Pada majlis itu, seramai 1,504 keluarga yang menjadi mangsa banjir di daerah ini menerima bantuan masing-masing berjumlah RM3,750 disampaikan Najib.

Bantuan berkenaan termasuk wang tunai, televisyen, peti sejuk, dapur gas, periuk nasi elektrik, tilam dan bantal yang diterima secara berperingkat mulai semalam.


Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, kerajaan turut mempertimbangkan cadangan membina projek tebatan di kawasan dilanda banjir seperti Kemaman di Terengganu dan Sungai Isap di Kuantan.

"Walaupun projek ini memerlukan kos tinggi, kerajaan akan melihat perkara ini dalam usaha kita menangani masalah banjir.

"Kena timbang dulu sebelum buat keputusan, saya difahamkan oleh JPS, projek ini memakan kos tinggi di mana tebatan di Kemaman membabitkan kos RM480 juta manakala di Sungai Isap RM700 juta," katanya.

Beliau berkata, kerajaan turut merangka strategi untuk menyediakan aset tambahan seperti bot dan trak lebih besar serta berkeupayaan tinggi memasuki kawasan banjir.

"Semua ini kita akan pertimbangkan kerana ia membabitkan kos tinggi. Dengan



NAJIB melihat peralatan elektrik yang disumbangkan kepada mangsa banjir sambil diperhatikan Abdul Azeez (kiri).

prosedur operasi standard (SOP) yang diperkemas ini, saya berharap kita dapat menguruskan banjir dengan lebih berkesan," katanya.

Perdana Menteri turut memberi nasihat kepada penduduk atau mangsa yang terjejas akibat banjir supaya melakukan persediaan awal mengikut kemampuan ma-

sing-masing dalam menghadapi bencana itu pada masa depan bagi mengelak keadaan lebih buruk.

"Kita mesti tekankan prinsip orang tua-tua, sedia payung sebelum hujan.

"Ia bahasa mudah namun mempunyai pengertian mendalam... kita kena buat persediaan dengan menun-

tut kita membuat perbelanjaan tambahan berdasarkan kemampuan," katanya.

Menurutnya, tiada siapa perlu dipersalahkan dengan bencana banjir yang melanda negara pada awal Disember tahun lalu itu kerana ia fenomena alam yang turut berlaku di seluruh dunia.



Manik Tanah Liat Mampu Beri Pulangan Lumayan

Oleh Salawaty Supardi

KUCHING, 19 Jan (Bernama) -- Tanah boleh menjadi duit. Ungkapan itu mungkin agak pelik apabila didengar buat pertama kali, namun setelah mendengar secara terperinci dan melihat sendiri hasilnya, maka tiada apa yang boleh menyangkal kenyataan tersebut.

Percaya bahawa tanah mampu menjadi sumber pendapatan lumayan jika dimanfaatkan sepenuhnya, maka Zurenawatte Zaidil, 39, mencuba nasib menghasilkan manik yang mempunyai corak serta motif tradisonal Sarawak daripada unsur alam itu.

Manik dalam pelbagai bentuk, warna dan corak itu kemudiannya dijadikan bahan utama untuk menghasilkan rantai, gelang tangan, anting-anting atau aksesori lain yang juga berdasarkan kepada permintaan pelanggan.

"Kita sentiasa bermain dengan tanah...jadi kenapa kita tak memanfaatkan sebaik-baiknya unsur alam ini.

"Lagipun pada saya bila buat manik daripada tanah ini ia sungguh bermakna kerana pelancong yang datang ke Sarawak bukan sahaja beli manik, tapi bawa balik tanah Sarawak walaupun dalam bentuk lain," katanya kepada Bernama di sini sempena Forum Pelancongan Asean 2014.

Pengusaha Heliconia Craft Collection itu berkata di Kuching hanya terdapat kira-kira empat pengusaha manik daripada tanah liat termasuk beliau, manakala selebihnya, tertumpu di Lawas.

Ibu empat anak itu berkata beliau memulakan langkah menjadi pengusaha manik etnik Sarawak dengan mengikuti kursus terutama berkaitan penggunaan mesin pembakar tanah selain teknik pemprosesan bersama **Sirim Berhad**.

"Kita perlukan kursus dan mesin yang disediakan oleh Sirim kerana kalau tidak kita takut nanti tanah itu cair bila dibakar dengan cara yang tak betul," katanya.

Menurut Zurenawatte, beliau menggunakan tanah liat dari Tapah, Serian kerana keistimewaan tanah itu yang bukan sahaja berwarna putih tetapi tahan kepada suhu tinggi.

Purata sembilan tan tanah liat ditempah setahun dengan anggaran setiap tan kira-kira RM900.

Menjelaskan tentang proses penghasilan manik daripada tanah liat, Zurenawatte berkata ia bermula dengan pembelian tanah liat dari Serian yang kemudian perlu ditapis untuk membuang sebarang sisa kotoran atau bendasing lain.

"Selepas itu kita masuk mesin dan gaul dengan bahan kimia sepatutnya supaya tanah itu nanti tahan suhu dan kemudiannya kita tapis lagi untuk buang air yang ada.

"Setelah selesai barulah disaring sekali lagi, kemudian kita bentuk ikut saiz yang dikehendaki, buat corak, cat dan bakar pada suhu 1,200 darjah Celsius," jelas Zurenawatte.

Selain menjual produk manik di premis beliau sendiri, Zurenawatte turut mendapat tempahan untuk majlis tertentu di samping daripada pereka fesyen tanah air.

Usahawan muda itu melahirkan rasa puas hati kerana berkat menggunakan unsur alam itu yakni tanah, beliau mampu meraih pendapatan mencecah RM25,000 sebulan.

Lebih membanggakan keempat-anak beliau turut menunjukkan minat meneruskan perniagaan manik tanah liat yang beliau usahakan.

-- BERNAMA

Misteri UFO Banting belum terungkai

» Siasatan di seluruh dunia gagal bukti kehadiran piring terbang di ruang udara

Oleh Nasron Sira Rahim
nasronsirarahim@gmail.com

Suasana di hotel peranginan Tuaran Beach Resort di Sabah, gempar seketika apabila secara tiba-tiba, kedengaran jeritan seorang wanita di luar pusat peranginan itu pada petang 18 Julai 2010.

Kekecohan itu pantas menyebabkan beberapa tetamu dan kakitangan resort meluru keluar untuk melihat apa sebenarnya yang terjadi kepada wanita terbabit.

Sebaik melangkah kaki melepasi bangunan resort terbabit, mereka terpaksa memandang ke arah langit dan ketika itulah kejutan yang teramat mula menyusup ke dalam diri mereka.

Di hadapan mata semua saksi kejadian itu, mereka melihat dengan jelas kehadiran satu objek asing berbentuk bulat dan berwarna biru sedang terapung tinggi di ruang udara berhampiran pantai Tuaran.

Beberapa saat kemudian, ob-

jek asing itu mula bertukar warna kepada hijau sehingga menyebabkan ada antara pengunjung dan kakitangan resort itu tergamam dan kebingungan.

Beberapa pengunjung lain pantas mengeluarkan telefon bimbit merakamkan kelibat objek terbabit tetapi sesuatu yang pelik berlaku apabila telefon berkenaan secara tiba-tiba terpadam dengan sendiri dan gagal berfungsi.

Selepas kira-kira seminit terapung, objek misteri itu hilang dengan sekejap mata. Fenomena pelik itu kemudiannya tersebar dengan pantas dan mendapat liputan media sehingga menggemparkan penduduk setempat.

Terapung tanpa bergerak

Beberapa saksi yang melihat kejadian itu yakin bahawa objek misteri yang dilihat mereka ialah piring terbang atau UFO lantaran ia mampu terapung tanpa bergerak, malah tidak mengeluarkan sebarang bunyi seperti kebanyakan pesawat lain.

Sehingga kini, objek misteri yang dilaporkan muncul dan dilihat di pantai Tuaran itu masih menjadi teka-teki yang membingungkan, lantaran tiada siapa yang mengetahui apakah ia sebenarnya.

Akan tetapi, kemunculan objek terapung seakan-akan UFO itu bukanlah pertama kali di Malaysia kerana sejak awal 1990 sudah ada banyak dakwaan mengenai kejadian pelik seperti itu yang dila-

porkan di seluruh negara.

Kes paling menggemparkan pula berlaku sekitar Oktober 1995 apabila ada penduduk mendakwa melihat UFO berlegar di ruang udara Tanjung Sepat di Banting, Selangor, sehingga menyebabkan seluruh negara pada ketika itu heboh.

Makhluk berwarna hijau

Mengikut dakwaan terbabit, selain UFO, ada juga penduduk yang terserempak dengan makhluk asing berwarna hijau, setinggi kira-kira 60 sentimeter, bertelinga panjang serta bermata merah kecil berkelip di kawasan itu.

Mengimbas keadaan ketika itu, daripada sekadar perbualan penduduk kampung, isu itu merebak menjadi isu negara apabila Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika itu mengarahkan Baha-

gian Kajian Sains Angkasa Jabatan Perdana Menteri (BAKSA-JPM) menyiasat dakwaan berkenaan.

Siasatan terperinci dijalankan BAKSA-JPM tetapi tiada kapal angkasa atau makhluk asing yang berjaya dijumpai untuk ditemuramah pihak terbabit. Bagaimanapun, sejak itu, semakin ramai penduduk mendakwa terlihat UFO di pelbagai tempat di negara ini malah hampir setiap tahun, ada saja laporan mengenai misteri itu yang dilaporkan media.

Sebenarnya, fenomena piring terbang atau UFO yang sering dikaitkan sebagai pesawat makhluk asing tidak hanya berlaku di Malaysia kerana ia



berlaku secara global dan dilaporkan di seluruh dunia.

Kewujudan UFO atau piring terbang dalam sejarah moden dikatakan bermula pada 26 Jun 1947 dan manusia pertama yang menjadi pencetus fenomena aneh di ruang udara itu adalah juruterbang, Kenneth Arnold.

Mengikut cerita, Arnold yang ketika itu sedang memandu kapal terbang di atas gunung Rainier di Washington, Amerika

Syarikat secara tiba-tiba terlihat sembilan objek aneh yang terbang dalam formasi tertentu.

Beliau menggambarkan objek itu berbentuk piring dan bergerak pada kelajuan kira-kira 1,500 kilometer sejam. Sejak penemuan itu, berita mengenai objek terbang yang tidak dikenal pasti terus dipaparkan media dan menarik minat penduduk di seluruh dunia tanpa jemu.

Pada 1953, Tentera Udara Amerika memperkenalkan perkataan UFO atau singkatan kepada 'unidentified flying object' (objek terbang yang tidak dikenal pasti) bagi menggambarkan pesawat misteri terbabit.

Dengan pantas juga misteri UFO berkembang dan banyak organisasi dan kumpulan tertentu, termasuk kerajaan yang tampil menyiasat serta menjalankan kajian terhadap misteri berkenaan.

Dalam kalangan pihak skeptikal, mereka menyatakan bahawa terdapat objek yang dilihat saksi terbabit sebenarnya bukanlah pesawat makhluk asing tetapi fenomena semula jadi alam seperti awan, tahi bintang, bulan atau cahaya langit.

Selain itu, ada juga objek terapung biasa seperti belon, layang-layang, pengangkutan belon udara panas, peluru berpandu, pesawat dengan reka bentuk pelik dan burung yang disalah anggap sebagai UFO.


Reka cerita

Paling menarik adalah siasatan mendapati ada pihak tertentu yang sengaja mereka cerita kononnya mereka melihat UFO, tetapi dakwaan mereka itu tidak lebih sekadar pembongkaran.

Sehingga kini, pelbagai kumpulan, organisasi dan kerajaan yang menjalankan siasatan terhadap UFO di seluruh dunia masih gagal membuktikan bahawa piring terbang yang menjadi pesawat makhluk asing itu benar-benar wujud.

Agensi Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA), Amerika Syarikat pernah menjalankan kajian mengenai objek misteri di angkasa yang menyerupai UFO sejak berbilang tahun lalu dan mengeluarkan belanjawan berbilion ringgit.

Bagaimanapun, pada 1993, mereka menghentikan kajian dengan alasan usaha itu hanya membazirkan duit dan masa lantaran tiada pesawat makhluk asing yang berjaya ditemui.



Kewujudan UFO atau piring terbang dalam sejarah moden dikatakan bermula pada 26 Jun 1947 dan manusia pertama yang menjadi pencetus fenomena aneh di ruang udara itu adalah juruterbang, Kenneth Arnold